



KERATAN AKHBAR

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM
IBU PEJABAT, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



Terbitan : *Harian Metro*

Tarikh : 14/5/2023

M/S : 17

Metro Ahad | 14.05.2023

@hmetrom

Laporan awal penyeludupan dadah ke Australia diserahkan kepada PM

Butterworth: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menghantar laporan siasatan berhubung kes penyeludupan dadah jenis heroin

bernilai RM789.56 juta melalui Pelabuhan Klang ke Brisbane, Australia kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 3 Mei lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zazuli Johan berkata, laporan itu belum lengkap dan pihaknya perlu

mendapatkan beberapa maklumat daripada Pasukan Sempadan Australia (ABF) bagi melengkapkannya.

"Kita sedang mengambil langkah susulan...setakat ini tiada tangkapan berhubung kes itu di negara ini.

"Kalau ikut maklumat dari Australia, dadah itu yang diikrar sebagai panel solar transit di Malaysia dan ia dibawa dari negara segi tiga emas (Golden Triangle) dan kami sedang dapatkan maklumat lengkap dari Australia iaitu dari mana (alamat lengkap) dadah itu," katanya pada sidang media di sini, kelmarin.

Media sebelum ini, melaporkan pihak berkuasa Australia merampas 336 kilogram (kg) heroin dianggarkan bernilai AUD268.8

juta (RM789.56 juta) dalam sebuah kontena penghantaran dari Malaysia ke Brisbane, 13 Mac lalu.

Polis Persekutuan Australia (AFP) dalam satu kenyataan dilaporkan berkata ABF berjaya mengesan dadah berkenaan disorok dalam dua blok konkrit simen, yang masing-masing seberat 500kg.

Ekoran itu, kerajaan memberikan tempoh maksimum dua minggu kepada JKDM bagi mengemukakan laporan penuh berhubung kejadian terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dilaporkan berkata, kejadian itu menunjukkan wujudnya kelemahan dalam sistem kerajaan yang sepatutnya mampu mengesan kegiatan berkenaan namun gagal.



“Setakat ini tiada tangkapan berhubung kes itu di negara ini”
Zazuli Johan

EKONOMI DIPELIHARA, SEMPADAN DIKAWAL